



**MAJLIS PERBANDARAN KANGAR
PEMBERITAHUAN**

Ruj: MPK.PS 08 / 351 JLD2 (41)

**MAKLUMAN PELAKSANAAN PROGRAM PEMUTIHAN DATA LESEN PREMIS
PERNIAGAAN MAJLIS PERBANDARAN KANGAR**

1. Adalah dimaklumkan bahawa mulai **1 Januari 2026**, **Majlis Perbandaran Kangar** akan melaksanakan **Program Pemutihan Data Lesen Premis Perniagaan** bagi tujuan pengemaskinian maklumat lesen perniagaan dalam kawasan MPKangar.
2. Sehubungan itu, semua pemegang lesen yang akan memperbaharui lesen adalah **DIWAJIBKAN** untuk mengemaskini maklumat butiran lesen perniagaan masing-masing dengan mengisi **Borang Pengemaskinian Maklumat Lesen Premis Peniagaan / Penjaja** di Kaunter Pelesenan Majlis Perbandaran Kangar atau dimuat turun melalui laman web rasmi Majlis Perbandaran Kangar (<https://mpkangar.gov.my/ms>).
3. Senarai dokumen yang perlu disediakan adalah seperti berikut :
 - i. Lesen asal.
 - ii. Gambar terkini di bahagian dalam dan luar premis.
 - iii. Senarai pekerja beserta salinan kad pengenalan / *passport*.
 - iv. Bagi premis perniagaan / penjaja makanan dan minuman, perlu kemukakan salinan Sijil Kursus Pengendalian Makanan dan Salinan Kad Suntikan TY-2 bagi setiap pekerja.
4. Pelaksanaan program ini akan dilaksanakan melalui kaedah berikut :
 - i. Pengemaskinian maklumat melalui borang yang telah dilengkapi di Kaunter Pelesenan MPKangar.
 - ii. Lawatan pemeriksaan dan pengesahan maklumat di tapak oleh pegawai MPKangar.
5. Sila ambil perhatian, tuan / puan boleh dikenakan tindakan penguatkuasaan selaras dengan **Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan Dan Perindustrian (Majlis Perbandaran Kangar) 1984** dan peruntukan di bawah **Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171)**, sekiranya didapati tuan / puan menjalankan aktiviti perniagaan yang tidak selaras dengan lesen yang dikeluarkan.
6. Kerjasama semua pemegang lesen amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian dimaklumkan

“RAJA BERDAULAT, RAKYAT BERILMU, NEGERI SEJAHTERA, PERLIS MAJU”
“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“PERLISKU BESTARI BERKAT LESTARI”

**YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN KANGAR
TARIKH : 29 DISEMBER 2025**